



KERAJAAN NEGERI KELANTAN
PEKELING AM NEGERI BILANGAN 2 TAHUN 2024

GARIS PANDUAN KAWAL SELIA PENGANJURAN PERTANDINGAN
SUKAN DAN PERTUNJUKAN SENI MEMPERTAHANKAN DIRI MUAY
DI NEGERI KELANTAN

1. TUJUAN

- 1.1. Pekeliling ini bertujuan untuk memberikan garis panduan terkini berhubung tatacara kelulusan dan syarat-syarat persembahan / pertunjukan / pertandingan Sukan Muay di Negeri Kelantan.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. Sukan atau Seni Mempertahankan Diri Muay merupakan suatu bentuk **Sukan Mempertahankan Diri dan Sukan** yang sinonim dengan Negara Thailand. Kelantan yang bersempadan dengan Thailand turut mendapat pengaruh daripadanya dan dapat dilihat dengan banyak penganjuran sukan ini di Negeri Kelantan.
- 2.2. Selain Sukan atau Seni Mempertahankan Diri Muay, ia juga turut dikenali sebagai "*Tomor*" atau "*Boksing Siam*" dikalangan penduduk di Negeri Kelantan. Dari aspek sukan, ianya lebih dikenali sebagai Sukan Mempertahankan Diri Muay (*Combat Muay*) iaitu salah satu sukan berprestasi tinggi. Dalam garis panduan ini ianya akan dikenali secara umum sebagai "Sukan Muay".

2.3. Pada ketika ini, Muay ini telah berkembang ke arah menjadi satu sukan atau seni yang mempunyai nilai komersil dari segi penganjuran pertunjukan dan persembahan. Selain itu, ia juga telah dikategorikan sebagai sukan berprestasi tinggi di Malaysia dan mampu menyumbang pingat kepada negeri dan negara dalam temasya sukan pelbagai peringkat. Justeru suatu kawalan dan penambahbaikan terhadap garis panduan sedia ada perlu diadakan.

2.4. Sukan ini adalah satu sukan yang berisiko tinggi untuk mendatangkan kecederaan parah atau kematian kepada peserta. Walaupun terdapat garis panduan pengajuran Sukan Muay yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Kelantan melalui Pekeliling Am Negeri Bil.1 Tahun 2007, namun masih terdapat aspek yang perlu ditambahbaik agar kes yang tidak diingini dapat dielakkan di samping mematuhi peraturan syariah dan selamat.

3. TATACARA KAWALSELIA DAN PERMOHONAN KELULUSAN PENGANJURAN DAN PERTANDINGAN SUKAN MUAY

Penganjur yang berhasrat untuk menganjurkan Pertandingan atau Pertunjukkan Sukan Muay perlu mengikuti garis panduan dan dasar Kerajaan Negeri dan Persekutuan serta ketetapan peraturan-peraturan dan arahan-arahan Negeri dari semasa ke semasa.

3.1. Bagi tujuan penganjuran Pertandingan atau Pertunjukan Muay di Negeri Kelantan penganjur perlu melalui dua (2) peringkat permohonan iaitu **Peringkat Saringan Teknikal** dan **Peringkat Kelulusan Lesen Hiburan**.

3.2. Di Peringkat Saringan Teknikal, penganjur perlu mendapatkan sokongan teknikal daripada **Jawatankuasa Badan Pemantau Induk Muay Negeri Kelantan** yang akan diurusetiaikan oleh Urusetia Belia dan Sukan Negeri Kelantan dan dipengerusikan oleh YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat Negeri Kelantan serta di anggotai oleh ahli-ahli yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri dengan merujuk kepada **LAMPIRAN A**.

3.3. Bagi tujuan permohonan awal, penganjur perlu mendapatkan Borang Permohonan melalui Majlis Sukan Negara (MSN) Negeri Kelantan. MSN adalah bertanggungjawab membuat semakan terhadap kertas cadangan yang dikemukakan oleh penganjur berdasarkan garis panduan semasa. MSN akan bertindak sebagai jabatan / wakil Kerajaan Negeri bagi memberikan khidmat kepakaran dan teknikal berkaitan pelaksanaan dan penilaian penganjuran pertandingan berkaitan Sukan Muay di Kelantan.

3.4. Di peringkat ini, pihak MSN akan menentukan ianya adalah berbentuk Program Pembangunan Sukan atau Bukan Program Pembangunan Sukan mengikut pengelasan berikut:

3.4.1 **Program Pembangunan Sukan** – Program yang berorientasikan pembangunan sukan atau bakat sepenuhnya.

Atau;

3.4.2 **Program Selain Pembangunan Sukan** – Program selain Program Pembangunan Sukan sama ada sepenuhnya atau sebahagian daripadanya (dengan mewajibkan sekurang-kurangnya satu regu berumur bawah 21 tahun untuk di pertandingan).

3.5. Dokumen yang lengkap perlu dihantar oleh pihak penganjur kepada MSN bagi mendapat kelulusan sokongan daripada Jawatankuasa Badan Pemantau Induk Sukan Muay Negeri Kelantan (JBPI SMK). Jawatankuasa akan bertanggungjawab memantau dan memastikan pelaksanaan syarat-syarat teknikal dan pengurusan penganjuran sebagaimana garis panduan yang ditetapkan dan Terma Rujukan Jawatankuasa sebagaimana dinyatakan di **LAMPIRAN A**.

3.6. Setelah mendapat sokongan di **Peringkat Saringan Teknikal**, penganjur perlu mendapatkan kelulusan di **Peringkat Kelulusan Lesen Hiburan** di

mana penganjuran adalah tertakluk kepada kelulusan Pegawai Pelesen di bawah Enakmen Kawalan Hiburan atau mana-mana peruntukkan perundangan berkaitan

- 3.7. Di Peringkat Kelulusan Lesen Hiburan, ia juga adalah tertakluk kepada sokongan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Polis Di Raja Malaysia (PDRM) sebelum ianya **diluluskan oleh Pegawai Pelesen**. Pihak Pegawai Perlesen boleh menjalankan apa-apa penguatkuasaan dan tindakan terhadap penganjur tertakluk kepada pematuhan di bawah Enakmen Kawalan Hiburan atau mana-mana peraturan yang berkuatkuasa. Mekanisme kawal selia ditunjukkan sebagaimana carta alir di **LAMPIRAN B**.

4. SYARAT -SYARAT PENGANJURAN PERTANDINGAN SUKAN MUAY

4.1 Tanggungjawab Penganjur

- 4.1.1 Penganjur perlu memastikan penganjuran tidak menimbulkan kemudaratan dan kekal sebagai bentuk sukan yang selamat.
- 4.1.2 Mendapat khidmat pegawai perubatan yang sah dan bertauliah sepanjang masa pertandingan.
- 4.1.3 Penganjur perlu memastikan mempunyai Ketua Deligasi Teknikal yang mengawal perjalanan pertandingan dan pematuhan kepada garis panduan yang ditetapkan.
- 4.1.4 Memastikan adanya perkhidmatan logistik keselamatan dan kesihatan (kenderaan ambulan) serta bilik rawatan di premis penganjuran.
- 4.1.5 Memastikan peserta-peserta mendapat perlindungan insurans pertandingan/kejohanan yang sah. (Disyorkan mendapat

perlindungan takaful (bagi peserta Muslim dan Non-Muslim) atau insurans untuk peserta Non-Muslim).

- 4.1.6 Memastikan peserta adalah bersifat relahati dan mengadakan Akuan Berkanun (*Statutory Declaration*) melepas tanggungan pihak pengajur atau pihak kerajaan.
- 4.1.7 Memastikan tidak ada unsur-unsur judi, minuman memabukkan atau sebarang aktiviti sampingan yang negatif.
- 4.1.8 Memastikan peserta-peserta telah disahkan bebas dari penggunaan segala bahan terlarang (dadah dan lain-lain bahan peransang).
- 4.1.9 Memastikan tidak ada sebarang unsur sembah (langkah sembah/ Wai Kru) yang bersifat memuja.
- 4.1.10 Memastikan bebas dari sebarang unsur syirik seumpama pemakaian tangkal/ azimat.
- 4.1.11 Menyediakan pengadil, hakim, penjaga masa yang bertauliah (melalui khidmat sokongan persatuan yang dilantik Kerajaan Negeri).
- 4.1.12 Memastikan peserta menutup aurat yang sesuai.
- 4.1.13 Penganjur perlu memastikan peserta memakai sarung tinju bagi tujuan keselamatan sebagaimana disyaratkan oleh *International Federation of Muaythai Association* (IFMA) atau ditentukan oleh JBPIMNK
- 4.1.14 Untuk tujuan keselamatan, hanya **tiga (3)** orang petugas dibenarkan berada dibawah gelanggang penjuror merah dan biru (masing-masing) untuk mengelakkan daripada berlakunya sebarang kekecohan.

4.1.15 Sistem kiraan mata (*point system*) wajib digunakan dalam penganjuran.

4.1.16 Penganjur perlu mengamalkan "Kod Sukan Selamat".

4.1.17 Penganjur perlu memastikan adanya jalan keluar masuk yang teratur dan pengasingan penonton patuh syariah.

4.1.18 Penganjur juga perlu memastikan kawalan lalulintas yang teratur dan selamat.

4.1.19 Penganjur adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap syarat-syarat yang ditetapkan. Kegagalan penganjur membolehkan Pegawai Pelesen atau penguatkuasa yang diberi kuasa mengambil tindakan dibawah enakmen atau peraturan semasa.

4.2 Penyediaan Gelanggang

4.2.1 Saiz: Minimum 20 x 20 kaki, maksimum 24 x 24 kaki.

4.2.2 Lantai Gelanggang : Lantai mestilah dialaskan dengan samada alas getah, kain lembut atau lain-lain bahan yang mempunyai ketebalan minimum 1 – 1 ½ inci.

4.2.3 Tali Gelanggang: Mengandungi 4 tali dengan diameter 1.20 – 2 inci dan mestilah dibaluti dengan bahan-bahan yang lembut.

4.3 Pemakaian Sarung Tinju

4.3.1 Hanya sarung tinju yang dilulus dan diiktiraf oleh *International Federation of Muaythai Association* (IFMA) dan Persatuan Muaythai Malaysia (PMM) atau Persatuan diiktiraf Malaysia dibenar untuk digunakan.

4.3.2 Berat bagi setiap sarung yang dibenarkan adalah 132 – 184 gram.

4.4 Timbangan Berat Badan dan Pemeriksaan Kesihatan

4.4.1 Peserta-peserta mestilah ditimbang berat badan tidak lebih dari 3 jam sebelum pertandingan.

4.4.2 Setiap peserta mestilah diperiksa tahap kesihatan oleh pegawai perubatan yang sah / bertauliah.

4.4.3 Setiap peserta mestilah disahkan bebas dari penggunaan segala bahan terlarang (dadah dan lain-lain bahan peransang).

4.4.4 Timbangan berat adalah tertakluk kepada Peraturan yang ditetapkan oleh International Federation of Muaythai Association (IFMA) dan Persatuan Muaythai Malaysia (PMM).

4.5 Bilangan 'Pusingan' (Round)

4.5.1 Setiap perlawanan mestilah mengandungi tidak lebih dari 5 pusingan, dengan 3 minit diperuntukkan setiap pusingan dan 2 minit masa rehat.

4.6 Kelayakan Peserta (Petinju)

4.6.1 Setiap peserta mestilah Warganegara Malaysia yang sah. Bagi peserta luar mestilah memiliki dokumen perjalanan yang sah.

4.6.2 Memiliki kelayakan dan pengalaman yang diperakukan oleh Persatuan Bertauliah di Peringkat Negeri/Malaysia.

4.6.3 Memiliki tahap kesihatan dan kecergasan yang disahkan oleh pegawai perubatan (Pembuktian melalui buku rekod kesihatan yang disahkan).

4.6.4 Tidak menggunakan sebarang dadah atau bahan perangsang lain sebelum atau selepas perlawanan.

4.6.5 Memahami segala syarat dan peraturan pertandingan.

4.7 Kelayakan Pengadil

4.7.1 Tidak mempunyai sebarang kecacatan dan berumur sekurang-kurangnya 21 tahun.

4.7.2 Memiliki kelayakan dan pengalaman yang diperakui oleh Persatuan diiktiraf Negeri/Malaysia.

4.7.3 Memiliki kesihatan dan kecergasan yang disahkan.

4.7.4 Memastikan keselamatan maksimum setiap peninju; bertindak adil kepada semua pihak di dalam melaksanakan dan peraturan; Mengawasi ketat setiap perlawanan; Menggunakan bahasa dan isyarat yang boleh difahami oleh peninju.

4.8 Tugas Pengadil

4.8.1 Menghentikan perlawanan bila salah seorang atau kedua-dua peninju mengalami kecederaan parah.

4.8.2 Menghentikan perlawanan atau memberikan amaran bila berlaku 'foul' atau pelanggaran undang-undang.

4.8.3 Mengisytiharkan kemenangan kepada peninju setelah lawannya jatuh dan tidak dapat meneruskan perlawanan setelah kiraan 10.

4.8.4 Menghentikan perlawanan bila mendapati seorang peninju berjaya melepasi kiraan 10 tetapi pegawai perubatan mengesahkan peninju tidak berupaya untuk meneruskan perlawanan dengan berkesan.

4.8.5 Membatalkan mana-mana peninju yang sengaja atau tidak sengaja melanggar undang-undang perlawanan.

4.9 Syarat dan Kelayakan Pegawai Perubatan

4.9.1 Memiliki kelayakan yang diiktiraf oleh Malaysian Medical Association (MMA) / bertauliah.

4.9.2 Berada ditempat pertandingan pada setiap masa perlawanan.

4.9.3 Melakukan pemeriksaan kesihatan dan kecergasan kepada setiap peninju.

4.9.4 Pegawai perubatan boleh mengesyorkan kepada pengadil untuk memberhentikan perlawanan jika didapati petinju tidak lagi selamat untuk bertanding.

4.10 Tatacara Pertandingan

4.10.1 Perlawanan dijalankan di dalam 5 pusingan. Setiap pusingan diperuntukkan 3 minit dengan 2 minit masa rehat pada setiap pusingan.

4.10.2 Perlawanan dikira secara kalah menang:

- 'Knock Out' diberikan apabila lawan berjaya dijatuhkan dan gagal meneruskan perlawanan hingga kiraan 10.

- 'Technical Knock Out' diberikan bila seseorang peninju telah mengalami kecederaan parah dan gagal meneruskan perlawanan di atas nasihat doktor, atau lawan menarik diri dari peraturan dan undang-undang pertandingan.
- Peserta tidak boleh memulakan perlawanan sebelum pengadil memberikan isyarat 'lawan'.
- Petinju perlu memberhentikan perlawanan bila pengadil memberi isyarat 'berhenti'.
- Petinju perlu memberhentikan perlawanan bila didapati lawan sudah jatuh.
- Petinju tidak boleh memukul bahagian sulit lawan.
- Petinju tidak boleh menggigit dan meludah lawan.

4.11 Persembahan / Pertandingan

4.11.1 Membuka dan menutup persembahan (gelanggang) dengan memberi salam dan pohon keselamatan dan keberkatan.

4.11.2 Memulakan persembahan / pertandingan selepas Solat Isyak atau seawal 8.00 malam , memberhentikan seketika apabila masuk waktu solat dan tamat sebelum 12.00 malam (waktu persembahan adalah juga tertakluk kepada ketetapan dasar negeri).

4.12 Muzik

4.12.1 Penggunaan muzik hendaklah tidak menimbulkan keghairahan, khayalan dan keasyikan dan bersesuaian dengan pertandingan sukan Muay dan tidak menimbulkan kacau ganggu ketenteraman awam.

4.13 Bayaran / Sumbangan

4.13.1 Kelulusan juga tertakluk kepada bentuk-bentuk bayaran yang terdapat di bawah Enakmen Kawalan Hiburan atau mana-mana peraturan berkuatkuasa.

4.13.2 Satu bentuk sumbangan dalam kadar 5% daripada hasil jualan tiket / jualan meja / jualan baju atau dalam apa-apa bentuk yang dibenarkan perlu disumbangkan ke Tabung Sukan Negeri bagi tujuan pembangunan atlet negeri Kelantan.

5. PEMAKAIAN UNDANG-UNDANG

5.1 Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan dalam Enakmen Kawalan Hiburan & Tempat Hiburan 1998, Garis panduan Kawalan Hiburan 2002 dan mana-mana Undang-undang negeri yang sedang berkuatkuasa.

6. PEMANSUHAN DAN PENGGANTIAN

6.1. Garis Panduan Kawal Selia Penganjuran Pertandingan Sukan Dan Pertunjukkan Seni Mempertahankan Diri Muay Negeri Kelantan akan dipekelilingkan dan Pekeliling ini merupakan penggantian kepada **Pekeliling Am Negeri Bilangan 1 Tahun 2007** yang telah pun dikuatkuasakan.

6.2. Pekeliling ini akan memansuhkan **Pekeliling Am Negeri Bilangan 1 Tahun 2007**.

7. TARIKH BERKUATKUASA

7.1 Garis Panduan dan Pekeliling ini adalah berkuatkuasa serta merta apabila mendapat kelulusan daripada Pihak Berkuasa Negeri.

Disediakan:

**UNIT PERANCANG EKONOMI
NEGERI KELANTAN**

**TERMA RUJUKAN BAGI PENUBUHAN JAWATANKUASA BADAN
PEMANTAU INDUK SUKAN MUAY NEGERI KELANTAN**

1. PENGENALAN

- 1.1. Memandangkan senario perkembangan Sukan Muay di negeri Kelantan dilihat begitu rancak dan aktif pada masa ini, pihak negeri merasakan perlunya wujud satu mekanisme pengawalan, penyeliaan dan pengawasan yang rapi perlu diadakan sebagai langkah untuk memastikan pendekatan Kerajaan Negeri dengan pendekatan patuh syariah (*Syariah Compliance*) dalam sukan, sukan yang tidak memudaratkan, dan menjadi sebuah sukan yang selamat untuk diamalkan.
- 1.2. Jawatankuasa yang dibentuk ini merupakan sebahagian mekanisme kepada Garis Panduan Kawal Selia Penganjuran Pertandingan Sukan dan Pertunjukkan Seni Mempertahankan Diri Muay Di Negeri Kelantan.
- 1.3. Jawatankuasa ini dicadangkan dikenali sebagai Jawatankuasa Badan Pemantau Induk Sukan Muay Negeri Kelantan (JBPISMK) yang di pengkerusikan oleh YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, NGO dan Perpaduan Masyarakat Negeri Kelantan dan diurusetiaikan oleh Urusetia Belia dan Sukan Negeri Kelantan.

2. PELANTIKAN KEAHLIAN JAWATANKUASA BADAN PEMANTAU INDUK SUKAN MUAY NEGERI KELANTAN

Pelantikan Ahli Jawatankuasa adalah sebagaimana berikut:

Pengerusi :

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat Negeri Kelantan.

Timbalan Pengerusi:

YB Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat Negeri Kelantan

Setiausaha :

Pengarah Urusetia Belia dan Sukan Negeri Kelantan

Ahli-Ahli :

Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan

Pengarah Majlis Sukan Negara, Negeri Kelantan

Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negeri Kelantan

Wakil Pihak Berkuasa Tempatan terlibat

Ahli yang dilantik Pengerusi

Ahli yang dilantik Pengerusi

Ahli yang dilantik Pengerusi

Ahli yang dilantik Pengerusi

3. FUNGSI JAWATANKUASA BADAN PEMANTAU INDUK SUKAN MUAY NEGERI KELANTAN

Jawatankuasa Badan Pemantau Induk Sukan Muay Negeri Kelantan bertanggungjawab dalam perkara-perkara berikut:

- I. Memastikan pelaksanaan Garis Panduan Kawal Selia Penganjuran Pertandingan Sukan dan Pertunjukkan Seni Mempertahankan Diri Muay Di Negeri Kelantan di patuhi dan dikuatkuasakan.
- II. Membuat Keputusan **kelulusan saringan** penganjuran pertandingan sukan dan pertunjukan seni mempertahankan diri Muay setelah dokumen dilengkapi.

- III. Menentukan dan menambahbaik garis panduan sedia ada bagi penyesuaian dasar semasa Negeri dan Persekutuan.
- IV. Menilai prestasi semasa pengawal seliaan garis panduan dan penentuan penilaian terhadap aspek penganjuran, penglibatan peserta, pengadilan dan bentuk perniagaan yang wujud.
- V. Mengawal kepatuhan syariah dalam penganjuran dan kemudahan serta keselamatan akibat daripada penganjuran.
- VI. Menentukan hal-hal berkaitan perkara teknikal berdasarkan pemakaian peraturan daripada International Federation of Muaythai Association (IFMA) dan Persatuan Muaythai Malaysia (PMM) atau Persatuan diiktiraf Malaysia.
- VII. Menentukan Ketua Delegasi Teknikal, Pegawai Perubatan Bertauliah, Pengadil Pertandingan atau mana-mana individu berkaitan yang boleh mengawal dan mempengaruhi sesuatu penganjuran bagi tujuan kawalan kualiti (*Quality*) dan kepatuhan (*Compliance*).

4. MESYUARAT JAWATANKUASA BADAN PEMANTAU INDUK SUKAN MUAY NEGERI KELANTAN

- 4.1 Mesyuarat Jawatankuasa Induk Badan Pemantau Sukan Muay Negeri Kelantan disyorkan bermesyuarat sekurang-kurangnya **tiga (3) kali setahun** atau mengikut keperluan untuk bermesyuarat. Permohonan perlu dibuat kepada pihak Urusetia Belia dan Sukan Negeri Kelantan sebelum atau dalam tempoh 30 hari tarikh mesyuarat yang telah ditentukan.
- 4.2 Mesyuarat boleh dipengerusikan oleh Timbalan Pengerusi sebagai pengerusi ganti atas ketidakhadiran Pengerusi dilantik.

- 4.3 Ahli yang dilantik pengerusi adalah disyorkan daripada jabatan yang terlibat secara langsung atau persatuan terlibat atau pihak-pihak berkecuali yang mampu memberi nasihat teknikal.


Disediakan:

UNIT PERANCANG EKONOMI

NEGERI KELANTAN

LAMPIRAN B

CARTA ALIR PERMOHONAN PENGANJURAN PERTANDINGAN SUKAN
DAN PERTUNJUKAN SENI MEMPERTAHANKAN DIRI MUAY
DI NEGERI KELANTAN



PERINGKAT SARINGAN TEKNIKAL

- BORANG PERMOHONAN PENGANJURAN DI PEROLEHI DI MAJLIS SUKAN NEGARA (MSN) NEGERI KELANTAN BAGI TUJUAN SEMAKAN DOKUMEN DAN PEMATUHAN GARIS PANDUAN PENGANJURAN.
- DOKUMEN YANG LENGKAP AKAN DIBAWA KE JAWATANKUASA BADAN PEMANTAU INDUK MUAY NEGERI KELANTAN
- PERMOHONAN DIPERTIMBANGKAN OLEH JAWATANKUASA BADAN PEMANTAU INDUK MUAY NEGERI KELANTAN (3 KALI SETAHUN ATAU MENGIKUT KEPERLUAN).

PERINGKAT KELULUSAN LESEN HIBURAN

- BORANG PERMOHONAN LESEN HIBURAN DI PEROLEHI DI PEJABAT PEGAWAI PELESEN SEBAGAIMANA ENAKMEN KAWALAN HIBURAN.
- DOKUMEN YANG LENGKAP DAN MENDAPAT SOKONGAN (MEMATUHI KEPERLUAN JABATAN TEKNIKAL)
 - 1) PIHAK POLIS DI RAJA MALAYSIA
 - 2) PIHAK BERKUASA TEMPATAN
- MENDAPAT KELULUSAN PEGAWAI PELESEN,
- BAYARAN FEE, DEPOSIT DIJELASKAN & SUMBANGAN TABUNG SUKAN NEGERI.
- LESEN YANG DILULUSKAN ADALAH TERTAKLUK KEPADA ENAKMEN ATAU PERATURAN YANG BERKUATKUASA.

NO RUJUKAN FAIL : _____



BORANG PERMOHONAN PENGANJURAN SUKAN MUAY NEGERI KELANTAN

NAMA PEMOHON : NAMA PERSATUAN
/ KELAB : ALAMAT : NO. PENDAFTARAN
PERSATUAN / KELAB : NO. H/P : EMAIL : NAMA KEJOHANAN / PERTANDINGAN : TARIKH
PERTANDINGAN : BIL. REGU TERBUKA : BIL. REGU REMAJA (U21) : TEMPAT /
DAERAH :

(Untuk Tindakan Pihak MSN Kelantan)

SYOR PERAKUAN:☐ DIPERAKUKAN UNTUK KELULUSAN MSNK☐ TIDAK DIPERAKUKAN UNTUK KELULUSAN MSNK.....
(Tandatangan & Cop Pegawai).....
(Tarikh)



**AKUAN PEMATUHAN SOP SEKTOR SUKAN DAN REKREASI BAGI
PENGANJURAN KEJOHANAN / PERTANDINGAN SUKAN MUAY**

1. NAMA KEJOHANAN / PERTANDINGAN:

.....

2. TARIKH KEJOHANAN / PERTANDINGAN:

.....

3. TEMPAT / DAERAH:

.....

Saya/kami akan mematuhi segala Prosedur Operasi Standard (SOP) Sektor Sukan dan Rekreasi di bawah Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang sedang berkuat kuasa dan arahan semasa Majlis Keselamatan Negara/Kementerian Kesihatan Malaysia atau agensi-agensi penguatkuasa yang lain bagi membendung dan menghapuskan penularan wabak penyakit COVID 19. Saya/kami juga akan mematuhi segala arahan / syarat penganjuran yang telah ditetapkan oleh pihak Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan / PDRM. Kegagalan saya mematuhi aku janji ini akan membuatkan hak penganjuran kejohanan / pertandingan akan dibatalkan kebenaran penganjuran dan disenarai hitamkan oleh Pesuruhjaya Sukan Malaysia / Kerajaan Negeri / PBT / PDRM.

Saya/kami bersetuju untuk menerima pemeriksaan dan lawatan daripada pihak pemantau yang dilantik oleh pihak kerajaan

Yang benar,

.....
(Tandatangan)

Nama Pemohon :
No. K. Pengenalan :
Jawatan :
No. Telefon :
Tarikh :

(Ditandatangani oleh penganjuran kejohanan / pertandingan sukan)